



1. JAWATAN	: PENOLONG OPERESEN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Audio and Video System*, pengkhususan dalam bidang Operasi Penyiaran seperti kamera, lampu atau pengadunan suara atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Operesen atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam operasi Televisyen dan Radio adalah kelebihan.
3. Boleh bekerja dengan cekap dan betul serta berkemampuan mengetahui tentang asas-asas dalam bidang kemahiran masing-masing adalah kelebihan.
4. Mempunyai kebolehan dayacipta, kepimpinan proaktif dan berkemahiran adalah kelebihan.



5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG OPERESEN KANAN:

1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Jurutera atau Pengurus Teknik Studio.
2. Menjalankan tugas-tugas pengawasan dan bertanggungjawab di dalam hal yang berkaitan dengan operasi penyiaran TV atau Radio seperti di studio-studio TV, studio-studio Radio, Pos-Produksi dan Rakaman TV, Unit Siaran Luar serta mengawasi kakitangan di bawah jagaannya.
3. Menghadiri mesyuarat atau *site meeting* yang dijadualkan oleh pihak Penerbitan dan memberi cadangan atau pandangan bagi meningkatkan mutu penerbitan rancangan TV.
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.